

Sarawak: Mahathir bantu kempen p-*raya* BN

Oleh JAMALUDIN BAKAR

KUALA LUMPUR, Selasa — Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad akan bertolak ke Sarawak esok sebagai usaha menguatkan jentera pilihanraya Barisan Nasional negeri itu.

Bellau ke sana dua hari untuk menjelaskan kepada rakyat Sarawak mengenai dasar Kerajaan Barisan Nasional dan usaha-usaha meningkatkan taraf sosio-ekonomi rakyat tempatan.

Perdana Menteri Datuk Hussein Onn pula akan melawat negeri itu selama tiga hari mulai 9 September ini diikuti oleh Menteri Kabinet lain termasuk Menteri Kewangan, Tengku Razaleigh Hamzah pada 10 September dan Menteri Pelajaran, Datuk Musa Hitam.

Pemerhati politik berpendapat, lawatan pemimpin-pemimpin Pusat Barisan Nasional ke Sarawak merupakan usaha positif parti itu untuk memenangi semua kerusi yang dipertandingkan sebanyak 44 kerusi.

Barisan memenangi empat kerusi tanpa bertanding setelah kertas pencalonan lawannya ditolak. Mereka ialah Timbalan Ketua Menteri, Datuk Alfred Jabu (Layar), Pembantu Menteri Pertanian Negeri, Encik Ambrose Gramong (Meluan), Wan Habib Syed Mahmud (Balingan) dan Encik David Jemut (Batang Air).

Pemergian 'Orang Besar' Barisan ini sudah tentu memberi sokongan moral yang kuat kepada Barisan Nasional Sarawak terutama kepada Pengerusinya, Datuk Patinggi Tan Sri Haji Abdul Rahman Yakub.

Sementara itu, di Kuching, Datuk Patinggi Rahman yakin atas kemenangan BN tetapi tidak memandang ringan terhadap kekuatan parti lawan.

"Saya sentiasa menasihatkan calon-calon BN supaya jangan memandang rendah terhadap kekuatan lawan," katanya.

Sebagai usaha untuk mengeratkan kerjasama di kalangan parti komponen iaitu PBB, SNAP dan SUPP, beliau sering mengadakan pertemuan dengan pemimpin-pemimpin parti berkenaan.

Malam tadi, Datuk Patinggi Rahman mengadakan pertemuan seperti itu dihadiri sama oleh Setiausaha Agung BN, Encik Ghafar Baba yang membantu sejak hari penamaan calon.

Ini oleh kerana kerjasama erat adalah penting di kalangan parti berkenaan bagi menentukan kerusi yang dijanjikan oleh BN.

BN dalam pilihanraya kali ini ditentang oleh tiga parti — PAJAR, SAPO dan DAP — buat pertama kali bertanding dalam pilihanraya negeri itu.

Di samping itu, seramai 54 calon bebas mencuba nasib masing-masing untuk merebut kerusi Dewan Undangan Negeri itu.

Pembahagian kerusi parti komponen berlandaskan pilihanraya 1974 iaitu PBB 18, SNAP 18 dan SUPP 12.

Kerusi yang kontroversial ialah kerusi Padungan yang dulu dikenali sebagai Kuching Timur yang diberi kepada SNAP.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia